



## MAJLIS DAERAH PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU AWAM
- (b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- (c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
- (d) GRED : H11

2. JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00); atau**

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut / motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. **PENETAPAN PERMULAAN GAJI** : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
6. **TEMPOH PERCUBAAN** : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
6. **LATIHAN** : Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.
7. **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA / PEPERIKSAAN** : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berkenaan.
8. **PENGESAHAN PERKHIDMATAN DALAM** : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:  
  
memenuhi tempoh percubaan;  
  
hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  
  
Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan
9. **PERGERAKAN TAHUNAN GAJI** : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. **TARAF JAWATAN** : Tetap